

MENETAPKAN PIAWAI

TATAETIKA DAN TATA AMALAN PERNIAGAAN



LOCKHEED MARTIN 

MENETAPKAN PIAWAI

Dikemas kini Oktober 2017

Lockheed Martin Corporation

6801 Rockledge Drive
Bethesda, MD 20817

©1995-2017. Lockheed Martin Corporation. Semua hak terpelihara.

Di samping Bahasa Inggeris, buku kecil ini diterbitkan dalam bahasa berikut:
Bahasa Arab, Bahasa Cina (Ringkas), Bahasa Cina (Tradisional), Bahasa Perancis, Bahasa Jerman,
Bahasa Hebrew, Bahasa Indonesia, Bahasa Jepun, Bahasa Korea, Bahasa Malaysia, Bahasa Poland,
Bahasa Romania, Bahasa Sepanyol dan Bahasa Turki

Nota: Versi paling terkini dokumen ini tersedia di dalam talian melalui rangkaian dalaman Lockheed Martin Corporation dan secara luaran di <http://www.lockheedmartin.com/us/who-we-are/ethics/code-of-ethics.html>. Versi dalam talian mempunyai kemas kini paling baharu untuk bahan sumber rujukan, termasuk Pernyataan Dasar Korporat dan Prosedur Fungsian Salingan.



LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Ulasan daripada Pengerusi kita, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Helo, Rakan Sepasukan.

Nilai teras kita, iaitu "Lakukan Perkara Betul", "Hormati Orang Lain" dan "Berprestasi Cemerlang", ialah asas kepada siapa diri kita dan cara kita beroperasi sebagai syarikat korporat.

Nilai-nilai ini bukan sahaja menentukan diri kita, ia kunci kepada masa depan kita bersama — dengan membina hubungan yang berdasarkan kepercayaan bersama pelanggan dan rakan sekerja.

Itulah sebabnya di Lockheed Martin, kita menggalakkan setiap orang pekerja untuk membaca dan memahami "Menetapkan Piawai", iaitu Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan kita.


Tatakelakuan kita bukan sahaja menetapkan piawai etika yang jelas dalam bidang kritis, ia juga menjelaskan cara kita harus mengamalkan perniagaan bagi pihak syarikat. Contohnya, Tatakelakuan kita menyatakan dengan jelas bahawa Lockheed Martin mengamalkan toleransi sifar terhadap amalan rasuah, dan kita menggalakkan pekerja untuk bersuara apabila mereka mensyaki tindakan atau kelakuan telah berlaku yang tidak konsisten dengan nilai dan jangkaan kita.

Di samping "Menetapkan Piawai", kita juga berbangga untuk menawarkan sumber rujukan etika lain di Lockheed Martin. Jika anda mempunyai soalan mengenai etika, saya menggalakkan anda untuk menghubungi pengurus, Pegawai Etika atau Rakan Perniagaan Sumber Manusia anda.

Terima kasih di atas usaha anda untuk memahami dan mendukung piawai tinggi yang menjadikan Lockheed Martin tempat yang istimewa untuk bekerja.

Secara bersama, kita boleh memastikan bahawa etika dan integriti tidak terjejas di syarikat korporat kita.

Marillyn A. Hewson



Kandungan

Syarikat Korporat Kita

Visi dan Nilai	1
Kita Mematuhi Tatakelakuan	2
Hak Asasi Manusia	4
Kelestarian	6
Laporkan Pelanggaran	7
Tindakan Balas	9

Kelakuan Kita

Tenaga Buruh dan Kos Lain	11
Penggunaan Aset	12
Maklumat Sensitif	13
Budi Bahasa Perniagaan	15
Konflik Kepentingan Individu	17
Konflik Kepentingan – Pekerja Kerajaan	19
Konflik Kepentingan Organisasi	20
Rekod Perniagaan yang Tepat	21
Latihan	22

Persekutaran Kerja Kita

Keselamatan	23
Diskriminasi dan Gangguan	24
Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan	25
Tempat Kerja Bebas Dadah	26

Operasi Kita

Persaingan Adil	27
Perniagaan Antarabangsa	28
Perdagangan Orang Dalam	31
Antitrust	33
Mengambil Kerja Pihak Ketiga	34
Proses Politik	35
Ambil Tindakan	37
Penerimaan dan Pengiktirafan	38

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Visi dan Nilai Kita

Lockheed Martin menetapkan piawai untuk integriti bagi semua perkara yang kita lakukan. Kita menjangkakan amalan berintegriti daripada diri kita sendiri seperti orang lain menjangkakan perkara yang sama, termasuk pemegang saham dan pelanggan.

VISI KITA:

Untuk menerajui dunia dalam menyokong misi pelanggan kita, memperteguhkan keselamatan dan melanjutkan penemuan saintifik.

NILAI KITA:

Lakukan Perkara Betul

Hormati Orang Lain

Berprestasi Cemerlang

DASAR

- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Mematuhi Tatakelakuan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Tatakelakuan kita diguna pakai terhadap semua pekerja Lockheed Martin, ahli Lembaga Pengarah, perunding, tenaga buruh kontrak dan ejen lain ketika mereka mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat Korporat ini.*
- Kita memerlukan anda untuk melakukan tugas anda mengikut Tatakelakuan ini dan dasar-dasar yang berlaku di samping bertindak mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan.
- Pihak kepimpinan mempunyai kewajipan khusus untuk menyedari akan tindakan yang boleh mempengaruhi pekerja kita untuk bertindak mengikut cara yang melanggar piawai etika yang dinyatakan dalam Tatakelakuan kita.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berlaku, secara tersurat dan tersirat, terhadap perniagaan kita dan di negara kita beroperasi.

** Apa jua pengecualian Tatakelakuan untuk pegawai eksekutif atau ahli Lembaga Pengarah hanya boleh diluluskan oleh Lembaga tersebut atau jawatankuasa Lembaga dan mesti dimaklumkan segera kepada pemegang saham kita. Ini mengelakkan pengecualian Tatakelakuan daripada disembunyikan daripada orang ramai dan mematuhi keperluan Bursa Saham New York (NYSE) dan peraturan serupa di bawah Suruhanjaya Sekutiria dan Bursa dan Akta Sarbanes-Oxley 2002.*

Cara Bertindak terhadap Penyiasatan dan Tindakan Undang-undang:

- Anda perlu bekerjasama dalam penyiasatan dalaman. Anda mesti tidak menghapuskan atau menukar sebarang dokumen atau rekod elektronik, berbohong atau menipu kepada penyiasat atau menghalang pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan penyiasatan atau sebarang tindakan undang-undang yang diambil bagi pihak atau untuk menentang Syarikat Korporat ini. Sebaik mana yang boleh, kita akan bekerjasama dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk menyiasat pelanggaran undang-undang yang disyaki. Jika diminta oleh Lockheed Martin, anda juga perlu bekerjasama dengan penyiasatan yang dilakukan oleh mana-mana kerajaan.
- Anda mesti memaklumkan Pejabat Etika, Jabatan Perundangan atau Keselamatan Industri jika anda mendapat tahu bahawa agensi kerajaan atau pihak ketiga sedang menjalankan penyiasatan atau meminta untuk maklumat yang berkaitan dengan pelanggaran undang-undang yang disyaki.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Mematuhi Tatakelakuan

Apakah tanggungjawab saya sebagai pemimpin?

Sebagai pemimpin, anda boleh mempengaruhi kelakuan pekerja melalui kata-kata dan kelakuan anda sendiri. Anda perlu sedar bahawa tindakan anda boleh mempengaruhi pekerja untuk melakukan sesuatu yang melanggar piawai etika kita, walaupun itu bukan niat anda. Cadangan berikut akan membimbing anda ke arah kepemimpinan beretika.

Jika seorang menghampiri anda dengan soalan atau kebimbangan:

- Ucapkan terima kasih kepada pekerja itu untuk bersuara
- Dengarkannya dengan teliti
- Minta untuk penjelasan dan maklumat tambahan supaya anda pasti anda faham soalan atau kebimbangan mereka
- Setakat mana yang anda mampu, jawab soalan yang dikemukakan, tetapi minta untuk bantuan jika anda perlu sebelum menjawab
- Anda tidak perlu memberikan jawapan di situ juga, tetapi anda patut sentiasa membuat susulan secepat yang mungkin
- Jika kebimbangan yang dikemukakan memerlukan penyiasatan, beritahu pihak rujukan yang sesuai
- Jika anda tidak pasti penyiasatan diperlukan, ia selalu baik untuk bertanya dahulu

DASAR

- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-021 Penyiasatan Dalaman

Mendukung nilai-nilai kita dan Tatakelakuan ini mungkin memerlukan lebih daripada setakat pematuhan dengan undang-undang dan peraturan sahaja.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Komited Terhadap Perlindungan Hak Asasi Manusia



KITA MENETAPKAN PIAWAI

Kita komited terhadap kewarganegaraan yang baik, yang merangkumi perlindungan dan pelanjutan hak asasi manusia yang diiktiraf pada tahap antarabangsa.

Layanan Berpatutan

- Kita melayan orang lain dengan rasa hormat dan bermaruah, menggalakkan kepelbagai budaya dan pendapat, menggalakkan peluang saksama untuk semua dan membantu mencipta budaya yang saling menyertai dan beretika.
- Kita melarang gangguan, pembulian dan diskriminasi, penggunaan buruh kanak-kanak, wajib atau paksa, perdagangan manusia dan apa juar tindakan yang berkaitan dengan perhambaan moden untuk sebarang tujuan.

Capaian pada Sumber Semula Jadi

- Kita menggalakkan kebertanggungjawaban terhadap alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan sumber semula jadi dan memaksimumkan keberkesanan produk kita.
- Kita menginovasikan teknologi yang mampu melindungi dan memberikan capaian pada sumber semula jadi.
- Kita menyokong kesampaian ekonomi melalui proses pengambilan bekerja dan pembayaran gaji yang adil dan saksama, serta mengamalkan kepelbagai dalam pemilihan pembekal.

Amalan Buruh

- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan upah dan jam pekerjaan yang terpakai dan memberikan faedah yang diwajibkan oleh undang-undang.
- Kita menghormati hak pekerja terhadap persatuan bebas dan pilihan mereka untuk mengikut serta dalam tawar-menawar kolektif ataupun tidak.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Komited Terhadap Perlindungan Hak Asasi Manusia



SEBAB KITA MELAKUKANNYA

Perlindungan dan pelanjutan hak asasi manusia:

- Melanjutkan komitmen kita terhadap integriti dan nilai teras kita
- Menggalakkan kepuasan dan produktiviti pekerja
- Memperbaik daya saing perniagaan kita

DASAR

- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan
- CPS-003 Tak Diskriminasi — Peluang Pekerjaan Saksama
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CPS-734 Membasmi Perdagangan Manusia
- CPS-803 Kelestarian
- CRX-515 Kumpulan Sumber Rujukan Pekerja dan Rangkaian Pekerja

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Komited Terhadap Kelestarian

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita melindungi alam sekitar, mengukuhkan masyarakat ramai dan memacu pertumbuhan yang bertanggungjawab.
- Kita melibatkan pemegang amanah dan menguruskan segala risiko dan peluang yang berkaitan dengan hal-hal alam sekitar, sosial dan tadbir urus.
- Kita mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, melayan pekerja dengan hormat dan menawarkan program keterlibatan, kecergasan, etika dan amalan saling menyertai.
- Kita menggunakan teknologi yang menyokong kerajaan yang stabil dan rakyat yang berkembang maju.
- Kita menilai kesan kita terhadap alam sekitar dan mengamalkan strategi pengurangan.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Komitmen kita memastikan daya saing jangka panjang perniagaan kita.
- Prestasi kemampunan kita membaikkan hubungan pelanggan dan mutu, mengurangkan kos dan risiko, dan memacu inovasi.
- Pemegang amanah kita menjangkakan kita beroperasi dengan integriti di samping mempunyai komitmen terhadap kewarganegaraan baik dan perlindungan dan pelanjutan hak asasi manusia.

DASAR

- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan
- CPS-003 Tak Diskriminasi — Peluang Pekerjaan Saksama
- CPS-015 Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan (ESH)
- CPS-020 Pendedahan Wajar Maklumat Material dan Maklumat Kewangan kepada Masyarakat Pelaburan dan Pihak Awam
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-803 Kelestarian
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif
- CRX-515 Kumpulan Sumber Rujukan Pekerja dan Rangkaian Pekerja

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Melaporkan Pelanggaran

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Anda bertanggungjawab untuk melaporkan pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki Tatakelakuan, dasar atau peruntukan kontrak.
- Anda mesti tidak mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang atau tindakan yang tidak beretika, walaupun ia kelihatan seperti ia akan memanfaatkan Syarikat Korporat atau diarahkan oleh pihak berkuasa yang lebih tinggi di dalam organisasi.
- Anda boleh dan harus mempertimbangkan cara anda akan bertindak balas jika dihadapi dengan jenis masalah atau konflik-konflik etika yang berbeza.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita komited terhadap piawai amalan beretika tertinggi semasa kita berurus niaga dengan kawasan kita.
- Pelanggaran Tatakelakuan ini boleh mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemecatan. Kegagalan untuk melaporkan pelanggaran dengan sendirinya melanggar Tatakelakuan ini.

Anda boleh melaporkan pelanggaran yang disyaki kepada:

- | | |
|-----------------------|--|
| • Pihak Pengurusan | • Audit Dalaman |
| • Sumber Manusia | • Tenaga, Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan (EESH) |
| • Jabatan Perundungan | • Pejabat Etika |
| • Keselamatan | |

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Melaporkan Pelanggaran

1-800-LM ETHIC (1-800-563-8442) - ID Pemanggil tidak digunakan

Untuk Orang yang Cacat Pendengaran atau Cacat Pertuturan: 1-800-441-7457

Faks: 1-301-897-6442

Antarabangsa: apabila memanggil atau menghantar faks dari luar A.S., dail kod keluar negara asal dahulu

E-mel: corporate.ethics@lmco.com

Mel:

Corporate Ethics Office
Lockheed Martin Corporation
6801 Rockledge Drive
Bethesda, MD 20817

Jawatankuasa Audit:

Pekerja boleh menyampaikan kebimbangan mengenai hal-hal perakaunan, kawalan dalaman atau audit dan penyerahan sulit atau awanama hal-hal perakaunan atau audit kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Lockheed Martin. Jika anda ingin mengemukakan kebimbangan kepada Jawatankuasa Audit, anda boleh melakukan demikian dengan menghubungi Pejabat Etika Korporat dan kebimbangan anda akan dilangsungkan kepada Pengarah Jawatankuasa Audit Lembaga.

DASAR

- CRX-021 Penyiasatan Dalaman

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Tidak Mentoleransi Tindakan Balas

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita tidak mentoleransi tindakan balas.
- Kita mengambil tindakan pembetulan yang wajar terhadap pelanggaran Tatakelakuan ini, walaupun tindakan ini tidak semestinya dapat dilihat oleh anda.
- Jika seseorang cuba menghentikan anda daripada melaporkan sesuatu, orang itu boleh dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemecatan.
- Penalti tidak sekali-kali akan dikenakan untuk menghubungi Pejabat Etika atau mana-mana sumber rujukan secara jujur. "Secara jujur" tidak bermakna semua fakta yang anda kemukakan perlu tepat. Ia bermakna anda percaya bahawa maklumat yang diberikan itu perkara yang benar.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Tindakan balas menamatkan kepercayaan dan menjelas budaya etika kita.
- Apabila anda bersuara, ia memberikan kita peluang untuk membaikkan budaya dan prestasi keseluruhan kita.

Apakah itu Tindakan Balas?

Tindakan Balas ialah layanan yang tidak adil atau tidak berpatutan menentang pekerja yang melaporkan salah laku, memfailkan aduan, membantu pihak lain membuat aduan, mengikut serta dalam penyiasatan dalaman atau membuat permintaan berkenaan etika.

Hak-hak Lain:

Undang-undang A.S. juga memberikan hak dan perlindungan tertentu kepada setiap pekerja Lockheed Martin terhadap tindakan balas jika pekerja tersebut mendedahkan, kepada pegawai kerajaan tertentu atau Jabatan Perundangan atau Pejabat Etika, maklumat yang pekerja itu percaya secara munasabah ialah bukti pembaziran melampau, salah pengurusan, penyalahgunaan kuasa atau pelanggaran undang-undang berkaitan dengan kontrak, bantuan atau dana kerajaan; atau bukti mengenai bahaya yang penting dan khusus kepada kesihatan dan keselamatan orang ramai.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Tidak Mendorong Tindakan Balas

DASAR


- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan
- CPS-003 Tak Diskriminasi — Peluang Pekerjaan Adil
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Gangguan
- CPS-575 Penyediaan Penyesuaian yang Munasabah di Tempat Kerja dan untuk Pemohon Pekerjaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja — Mengelakkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Mengenakan Caj Kerja Buruh dan Kos Lain yang Tepat

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Memahami dan mematuhi dasar dan prosedur perekodan kerja buruh di lokasi kerja anda.
- Merakamkan secara tepat semua kos termasuk buruh, perjalanan, bahan dan kos-kos lain. Kos-kos ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kerja kontrak biasa, kerja berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan bebas dan aktiviti membida dan cadangan.
- Tidak sekali-kali memutarbalikkan fakta atau memalsukan rekod.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

Ia melanggari dasar ini, dan dalam sesetengah kes undang-undang, untuk sengaja:

- Mengenakan caj yang salah atau memalsukan rekod penjagaan masa
- Mengenakan caj pada akaun atau objektif kos secara salah
- Membenarkan pengenaan caj yang salah
- Memindahkan kos ke akaun yang tidak wajar

Semua transaksi perniagaan mesti dicatatkan dengan segera dan secara tepat ke dalam buku dan rekod perniagaan kita. Ini bermakna bahawa transaksi antara Syarikat Korporat dengan individu dan organisasi luar diambil kira dan dilaksanakan mengikut amalan dan prinsip perakaunan yang biasa diterima di Amerika Syarikat, dan di negara kita berniaga.

DASAR

- CMS-505 Perekodan dan Pengesahan Kos Buruh Langsung
- CPS-011 Kawalan Dalaman
- CPS-441 Penganggaran Kos/Penentuan Harga
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-325 Perjalanan Perniagaan
- CRX-327 Kad Komersial

**Pelanggan kita
menjangkakan bahawa
kita sentiasa memastikan
integriti rekod kita.**

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Menggunakan Aset Secara Tanggungjawab

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Bertanggungjawab ke atas penggunaan baik dan perlindungan harta Syarikat Korporat dan pelanggan kita. Ini termasuk sistem komunikasi elektronik, sumber maklumat, bahan, kemudahan dan peralatan.
- Elakkan pembaziran dan penyalahgunaan aset ini. Ini bermaksud anda mesti menyenggarakan aset dengan cermat, berwaspada tentang pembaziran dan penyalahgunaan, dan tidak sekali-kali meminjam atau mengeluarkan aset tersebut dari kemudahan syarikat korporat atau pelanggan tanpa kebenaran pihak pengurusan. Dapatkan panduan dan kebenaran sebelum anda mengguna sebarang aset pelanggan untuk kegunaan peribadi.
- Anda hanya dibenarkan untuk mengguna aset syarikat bagi tujuan peribadi sekali-sekala; penggunaan sedemikian tertakluk pada keperluan dan had yang digariskan di dalam dasar.
- Lindungi dan simpan maklumat pada aset yang diluluskan sahaja.
- Jangan guna kad kredit korporat untuk kegunaan peribadi.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Sumber dan aset Lockheed Martin harus digunakan untuk manfaat semua pemegang saham kita.
- Kita bertanggungjawab untuk melindungi sumber dan aset pelanggan yang diamanahkan kepada Syarikat Korporat.

DASAR

- CPS-007 Penggunaan Peribadi Aset Lockheed Martin
- CPS-037 Penggunaan Wajar Sumber Pengkomputeran dan Maklumat
- CRX-014 Konflik Kepentingan Individu
- CRX-156 Pembelian Kad (P-Card)
- CRX-253 Media Sosial
- CRX-303 Pemesejan Elektronik
- CRX-325 Perjalanan Perniagaan
- CRX-327 Kad Komersial
- TVL-001 Buku Panduan Perjalanan Perniagaan



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Melindungi Maklumat Sensitif

Maklumat Sensitif termasuk Maklumat Peribadi, Maklumat Terkawal Eksport, Maklumat Empunya Lockheed Martin dan Maklumat Empunya Pihak Ketiga.

KITA MENETAPKAN PIAWAI

Anda mesti:

- Kendali, simpan dan lindungi Maklumat Sensitif mengikut keperluan yang terpakai.
- Dapat kebenaran yang wajar sebelum mendedahkan atau menerima maklumat sedemikian, secara dalaman atau melalui pihak ketiga (seperti pembekal, pelanggan atau pesaing).
- Hanya akses maklumat peribadi atau data peribadi untuk tujuan perniagaan yang sah dengan mendapat kebenaran terlebih dahulu.
- Hormati privasi dan maruah pekerja kita dan melindungi kerahsiaan rekod dan maklumat pekerja.
- Sebelum mendedahkan maklumat sulit, pastikan bahawa penerima mempunyai pelepasan keselamatan yang wajar dan "perlu tahu".
- Apabila menggunakan media sosial, ambil langkah berhati-hati tambahan untuk melindungi maklumat mengenai Syarikat Korporat, rakan sekerja anda, pelanggan dan diri anda sendiri.
- Rujuk permintaan luar kepada Komunikasi.
- Dapat kebenaran yang wajar sebelum menerbit atau menyampaikan persempahanan di luar syarikat tentang Lockheed Martin atau pelanggan atau rakan perniagaannya. Pekerja A.S. harus melawat alat PIRA (alat Pemberi Kuasaan Pelepasan Maklumat Awam). Pekerja bukan A.S. harus menghubungi Komunikasi untuk titik hubungan yang sewajarnya untuk menyemak bahan mereka.
- LAPORKAN CAPAIAN KEPADA MAKLUMAT SENSITIF YANG TIDAK DIBENARKAN.
- Berwaspada terhadap risiko sekuriti siber.
- Ikut keperluan perlindungan maklumat walaupun selepas anda berhenti bekerja atau terlibat dengan Syarikat Korporat.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Melindungi Maklumat Sensitif

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita diamanahkan dengan Maklumat Sensitif daripada Syarikat Korporat, pelanggan kita, pembekal dan pihak lain.
- Pengendalian maklumat secara salah boleh menjaskan reputasi kita, pelanggan, rakan perniagaan dan negara. Ia juga boleh mengakibatkan penalti dan denda dikenakan kepada Syarikat Korporat dan pekerja individu.
- Apabila anda menjalankan urus niaga antarabangsa, terdapat undang-undang khusus negara lain untuk dipertimbangkan, termasuk isu import/eksport, pertimbangan privasi dan keperluan pengendalian dan perlindungan maklumat yang unik.

DASAR

- CPS-201 Pengeluaran Maklumat
- CPS-310 Kawalan Perdagangan dan Pematuhan Antarabangsa
- CPS-569 Keselamatan
- CRX-002 Hak Harta Intelektual
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif
- CRX-015A Maklumat Peribadi
- CRX-015B Maklumat Terkawal Eksport
- CRX-015C Maklumat Empunya Lockheed Martin
- CRX-015D Maklumat Empunya Pihak Ketiga
- CRX-015E Penyiaran Maklumat Sensitif
- CRX-015F Penyimpanan Maklumat Sensitif
- CRX-015G Pelupusan Maklumat Sensitif
- CRX-015H Maklumat Tak Terhad
- CRX-016 Privasi — Amerika Syarikat
- CRX-017 Perlindungan Data Peribadi — Bukan A.S.
- CRX-253 Media Sosial
- CRX-303 Pemesejan Elektronik

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Menyediakan dan Menerima Budi Bahasa Perniagaan yang Berpatutan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Elakkan persepsi yang layanan istimewa sedang diminta, diterima atau diberi sebagai balasan untuk budi bahasa perniagaan.
- Pastikan bahawa budi bahasa perniagaan yang ditawarkan dibenarkan di sisi undang-undang dan dasar.
- Sahkan bahawa budi bahasa perniagaan yang diberikan tidak akan melanggar peraturan organisasi penerima.
- Jangan tawar, beri, minta atau terima sebarang jenis rasuah atau wang sogokan, kerana ini ialah perbuatan jenayah. Wang sogokan ialah sebarang jenis bayaran wang, yuran, komisen, kredit, hadiah, upah, benda berharga, pinjaman, hiburan, perkhidmatan atau pampasan dalam apa jua bentuk, yang diberikan secara langsung ataupun tidak, kepada mana-mana kontraktor utama, pekerja kontraktor utama, subkontraktor atau pekerja subkontraktor untuk tujuan mendapatkan atau sebagai ganjaran untuk layanan istimewa berkenaan dengan kontrak utama dengan A.S. atau subkontrak yang berkenaan dengan kontrak utama dengan A.S.
- Sedar akan peraturan rumit dan had kewangan yang terpakai semasa urus niaga dengan Pegawai Awam, termasuk ahli angkatan tentera.
- Rujuk pada dasar dan dapatkan panduan jika anda tidak pasti jikalau sesuatu tindakan wajar diambil atau terangkum dalam had yang dibenarkan.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Apabila orang bertukar hadiah atau budi bahasa perniagaan, ia boleh mewujudkan (secara sengaja atau tidak) persepsi yang pilih kasih diberikan untuk mempengaruhi pertimbangan perniagaan. Sesetengah peraturan had hadiah dikira mengikut jumlah dalam setahun kalendar dan ada juga yang bergantung pada nilai pasaran saksama budi bahasa yang diberikan atau diterima.
- Kita bersaing atas dasar merit produk dan perkhidmatan kita, dan tidak memberikan budi bahasa perniagaan untuk mendapatkan kelebihan persaingan yang tidak saksama. Terdapat garis panduan khusus yang terpakai di setiap negara kita bermiaga.
- Kita mendapatkan produk dan perkhidmatan secara saksama dan mengelakkan penerimaan budi bahasa perniagaan yang mungkin mengakibatkan walaupun persepsi hubungan perniagaan yang tidak berpatutan. Terdapat peraturan yang lebih mengehadkan berkenaan penerimaan budi bahasa perniagaan untuk pekerja yang bekerja dalam Pengurusan Rantaian Bekalan atau yang terlibat dalam proses penghalaan perniagaan atau dana kepada hubungan perniagaan kita.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Menyediakan dan Menerima Budi Bahasa Perniagaan yang Berpatutan

Apakah itu Budi Bahasa Perniagaan?

Sebarang jenis hadiah, upah, pertolongan, faedah, pinjaman, komisen, diskaun, penahanan hak mengikut undang-undang (forbearance) ataupun barang ketara atau tak ketara dengan nilai wang mengikut nilai pasaran saksama yang tidak dibayar oleh penerima. Penerima tersebut mungkin individu ataupun sebuah entiti. Budi bahasa sedemikian termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut: wang tunai dan kesamaan tunai, diskaun, hadiah pintu dan rafel, hiburan dan rekreatif, kemasukan percuma atau berdiskaun ke acara yang berkaitan dengan perniagaan (persidangan, taklimat, seminar, latihan, lembaga penasihat, mesyuarat jawatankuasa, dsb.), kad/sijil hadiah, barang penghargaan, keraian, penginapan, makanan dan minuman, model, barang promosi, perkhidmatan, tiket (pas, yuran, dsb.), latihan, pengangkutan atau penggunaan masa, bahan, peralatan atau kemudahan penderma.

Siapakah Pegawa Awam?

Tidak kira jawatannya, atau jika dia dibayarkan gaji ataupun tidak, dia seorang yang mungkin digolongkan sebagai:

- Pegawai atau pekerja mana-mana kerajaan, jabatan, agensi, biro, pihak berkuasa atau keperalatan milik kerajaan, seperti entiti milik negara atau yang dikawal oleh negara;
- Jawatan yang bertindak dalam kapasiti rasmi untuk atau bagi pihak mana-mana kerajaan, jabatan, agensi, biro, pihak berkuasa atau keperalatan;
- Pegawai, pekerja atau orang yang bertindak bagi pihak organisasi antarabangsa yang ditaja oleh kerajaan atau pihak awam seperti Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, Bank Dunia atau Kesatuan Eropah;
- Pemegang jawatan perundangan, pentadbiran, eksekutif atau kehakiman, yang dilantik ataupun dipilih;
- Calon politik, atau pegawai atau pekerja parti politik;
- Ahli keluarga diraja; atau
- Ahli keluarga atau sebaliknya sekutu mana-mana daripada pihak di atas

DASAR

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-716 Pematuhan dengan Akta Antisogokan 1986
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa

Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Individu

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Anda mesti bersikap adil dan saksama dalam semua urusan perniagaan.
- Dasar kita melarang konflik kepentingan yang sebenar dan aktiviti yang mewujudkan persepsi konflik kepentingan. Elakkan situasi yang boleh mengakibatkan konflik kepentingan peribadi untuk diri anda, ataupun yang kelihatan seperti konflik dengan kepentingan Lockheed Martin.
- Jangan sekali-kali guna kenalan atau kedudukan anda dalam Syarikat Korporat untuk melanjutkan kepentingan luar atau peribadi.
- Jangan guna harta, maklumat atau peluang Syarikat Korporat untuk manfaat peribadi.
- Anda mesti menyerahkan pendedahan bertulis tentang konflik kepentingan yang mungkin atau sebenar sebaik sahaja anda sedar akan kewujudannya.
- Anda mempunyai kewajipan tahunan untuk mengakui pematuhan anda dengan dasar konflik kepentingan kita.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita komited terhadap piawai amalan perniagaan beretika yang tertinggi. Kita menjangkakan ini daripada pekerja, ejen dan Lembaga Pengarah kita. Ejen termasuk perunding, buruh kontrak dan sesiapa sahaja yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat Korporat.
- Kita bertanggungjawab kepada pemegang saham kita untuk bertindak demi kepentingan Syarikat Korporat.
- Proses pendedahan dalaman syarikat memperteguhkan tujuan kita untuk berurus niaga dengan integriti.


Apakah itu Konflik Kepentingan Peribadi?

Konflik kepentingan peribadi wujud apabila anda mempunyai kesetiaan yang berbelah bagi — apabila anda memiliki kepentingan peribadi secara langsung ataupun tidak dalam sesuatu transaksi atau perkara sehingga ia mungkin kelihatan seperti ia mempengaruhi keputusan anda dalam tindakan bagi pihak Lockheed Martin, mempengaruhi tindakan anda atau membawa anda untuk mengabaikan kepentingan perniagaan Lockheed Martin.

Dasar Konflik Kepentingan kita merangkumi banyak jenis situasi, termasuk contoh yang berikut:

- Pemilikan sepenuhnya, ataupun pemilikan sebahagian besar, syarikat yang juga menjadi pelanggan, pesaing atau pembekal kita.

Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Individu



- Ahli keluarga — Berniaga dengan firma yang dimiliki oleh dikawal oleh pekerja Lockheed Martin atau ahli keluarga mereka.
- Hubungan keluarga dengan orang yang diambil bekerja oleh pembekal atau pesaing.
- Hadiah — Penerimaan hadiah, bayaran atau perkhidmatan daripada pihak yang ingin menjalankan perniagaan dengan Lockheed Martin.
- Kepentingan perniagaan luar — Pemilikan perniagaan anda sendiri atau pekerjaan dengan perniagaan lain semasa anda bekerja untuk Lockheed Martin, ataupun menggunakan kemahiran atau latihan profesional yang sama atau yang serupa seperti yang digunakan sepanjang tempoh anda bekerja untuk Lockheed Martin.
- Berbilang peranan — Bertindak sebagai perunding bebas kepada pelanggan atau pembekal Lockheed Martin, semasa anda bekerja untuk Lockheed Martin.
- Penggunaan aset untuk manfaat peribadi — Penggunaan aset, harta intelektual atau maklumat empunya untuk manfaat peribadi.
- Pekerja subordinat — Menjalinkan hubungan rapat peribadi dengan pekerja subordinat.
- Kerja amal — Penggunaan masa kerja untuk menjual produk yang membantu pertubuhan amal atau meminta derma untuk pertubuhan sedemikian;
- Pekerja kerajaan — Berbincang tentang pekerjaan anda dengan pekerja kerajaan, pemberian hadiah kepada mereka yang melanggari undang-undang atau peraturan yang terpakai, atau menugaskan peranan terlarang kepada pekerja Lockheed Martin yang dahulunya bekerja untuk kerajaan.

DASAR

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-014 Konflik Kepentingan Individu

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Atas Sebab Pekerjaan dengan Kerajaan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang meliputi pengambilan bekerja atau pemerolehan perkhidmatan pekerja kerajaan.
- Kita mengelakkan konflik kepentingan yang berhubungan dengan pengambilan bekerja atau pemerolehan perkhidmatan pekerja kerajaan atau bekas pekerja kerajaan. Ini termasuk kakitangan tentera atau bekas kakitangan tentera dan pekerja kerajaan yang lain.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kejayaan berterusan kita dan keupayaan kita untuk bersaing dalam pasaran bergantung pada pemastian bahawa kita tidak mengupah atau bekerja dengan pekerja kerajaan atau bekas pekerja kerajaan dalam cara yang mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau persepsi sedemikian.

Peraturan ini:

- Terpakai terhadap hubungan atau rundingan dengan pekerja kerajaan untuk membincangkan kemungkinan mereka diambil bekerja oleh Syarikat Korporat ataupun diambil bekerja sebagai perunding atau subkontraktor.
- Mungkin mengehadkan peranan dan tanggungjawab yang bekas pekerja kerajaan boleh lakukan bagi pihak kita selepas menyertai Syarikat Korporat.
- Boleh menjadi rumit. Sentiasa rujuk dasar Lockheed Martin dan dapatkan nasihat Sumber Manusia atau Jabatan Perundangan.

DASAR

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- Conflict Konflik Kepentingan — Pekerjaan dengan Kerajaan

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Mengelakkan Konflik Kepentingan Organisasi

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita mengenal pasti, dan mengelakkan atau mengurangkan, Konflik Kepentingan Organisasi (OCI) dengan menyaring peluang perniagaan baharu sewajarnya.
- Kita mematuhi had-had OCI.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

Pengenapastian awal dan komunikasi yang tepat pada masanya tentang konflik kepentingan seperti ini:

- Membina kepercayaan pelanggan.
- Memperteguhkan tujuan kita untuk berurus niaga dengan integriti.
- Membenarkan Lockheed Martin untuk terus mengambil serta dalam peluang perniagaan baharu.
- Mengelakkan kehilangan kelayakan dan kehilangan perniagaan.

Apakah itu OCI?

OCI boleh berlaku jika Lockheed Martin tidak mampu atau mungkin tidak mampu menyediakan bantuan, perkhidmatan atau nasihat yang tidak berat sebelah kepada pelanggan. Peraturan bertujuan untuk mengelakkan kelebihan persaingan yang tidak adil dan peranan berkonflik yang mungkin menjegas pertimbangan syarikat.

DASAR

- CRX-014E Orang dengan Had Konflik Kepentingan Organisasi
- CRX-600 Konflik Kepentingan Organisasi

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Mengekalkan Rekod Perniagaan yang Tepat

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Apabila anda menyediakan atau menyerahkan rekod perniagaan atau kewangan, ia mesti tepat.
- Anda mesti tidak memasukkan maklumat empunya ataupun sulit ke dalam sebarang pendedahan awam tanpa mendapat kebenaran yang sewajarnya terlebih dahulu. Pendedahan awam termasuk laporan atau dokumen yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa, penguasa peraturan lain dan komunikasi awam lain yang dikeluarkan oleh Syarikat Korporat.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita mempunyai kewajipan kepada orang ramai dan pemegang saham kita untuk membuat pendedahan awam yang tepat.
- Kita komited terhadap operasi di dalam persekitaran dengan komunikasi terbuka tanpa menjelaskan maklumat empunya atau sulit.

Jika anda menyediakan rekod perniagaan atau kewangan atau komunikasi awam bagi pihak Syarikat Korporat, anda mesti memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam bersifat menyeluruh, saksama, tepat pada masanya, sahih dan boleh difaham. Komunikasi awam termasuk persembahan luaran.

Jika anda mempunyai kebimbangan tentang sebarang aspek rekod perniagaan atau kewangan kita atau hal-hal audit, atau anda mendapat tahu bahawa orang lain mempunyai kebimbangan sedemikian, anda harus berbincang dengan pengurus anda, organisasi Kewangan, Audit Dalaman, Jabatan Perundungan atau Pejabat Etika.

DASAR

- CPS-011 Kawalan Dalaman
- CPS-020 Pendedahan Wajar Maklumat Material dan Maklumat Kewangan kepada Masyarakat Pelaburan dan Pihak Awam
- CPS-201 Pengeluaran Maklumat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Mengambil Serta dalam Latihan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Latihan kita direka bentuk untuk membantu pekerja belajar cara melaksanakan nilai kita melalui contoh yang berdasarkan situasi sebenar di dalam persekitaran kerja kita.
- Anda diperlukan untuk melengkapkan latihan anda sebelum tarikh akhir yang dinyatakan.
- Latihan Kesedaran Etika diperlukan setiap tahun daripada semua pekerja, perunding dan Lembaga Pengarah.
- Latihan Pematuhan Amalan Perniagaan mendidik pekerja tentang keperluan pematuhan khusus. Sasaran setiap kursus biasanya khusus kepada peranan tertentu.
- Audit dijalankan untuk pelaksanaan berkesan.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Latihan menyediakan kita untuk mengenal pasti dan bertindak balas terhadap situasi yang memerlukan kita membuat keputusan beretika.
- Latihan Kesedaran Etika membenarkan kita untuk berbincang tentang cara etika sebahagian daripada kerja kita.
- Kursus menambah kepada pemahaman kita tentang topik di dalam Tatakelakuan ini dan mengajar kita cara untuk mengamalkan latihan kita.
- Latihan meliputi akibat pelanggaran pematuhan untuk Lockheed Martin dan pekerja individu.
- Kursus kita membantu memastikan bahawa etika diterapkan ke dalam perniagaan kita.

DASAR

- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Komited Terhadap Keselamatan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita melindungi warga, operasi dan aset kita di seluruh dunia.
- Kita mengambil tindakan untuk mengurangkan ancaman kepada keselamatan pekerja di tempat kerja kita.
- Kita melindungi semua bahan sulit dan maklumat lain yang diamanahkan kepada kita dengan sepatutnya.
- Kita mematuhi dan cuba melebihi keperluan dasar keselamatan pelanggan dan nasional.
- Kita menyenggarakan program pengesanan risik balas dan ancaman orang dalam khas.
- Kita menggunakan proses penyiasatan keselamatan yang menyeluruh dan objektif.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Komitmen kita menyokong keselamatan pekerja, pelanggan dan rakan perniagaan kita.
- Pematuhan keselamatan memanfaatkan Syarikat Korporat kita, pelanggan, keselamatan nasional dan kestabilan global.
- Pematuhan keperluan keselamatan menyokong prestasi kontrak.
- Pelanggan kita mengamanahkan kita untuk menyediakan produk dan perkhidmatan tanpa pelanggaran keselamatan.

DASAR

- CPS-569 Keselamatan
- CRX-052 Pengurusan Krisis
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja — Mengelakkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan
- CRX-055 Perjalanan atau Penugasan ke Lokasi Berisiko Tinggi
- CRX-056 Operasi Keselamatan Antarabangsa
- CRX-057 Prosedur LMSecurity
- CRX-059 Program Pengesanan Ancaman Orang Dalam



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Mempunyai Toleransi Sifar untuk Diskriminasi dan Gangguan



KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita tidak mentoleransi sebarang bentuk gangguan atau diskriminasi, terutamanya yang melibatkan ras, keetnikan, agama, warna kulit, jantina, kehamilan, negara asal, umur, status bekas angkatan tentera, keturunan, orientasi seksual, identiti atau ekspresi jantina, status perkahwinan, struktur keluarga, maklumat genetik atau ketidakupayaan mental atau fizikal (dan keadaan perubatan, untuk pekerja di California).

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

Matlamat Lockheed Martin adalah untuk mengekalkan persekitaran kerja profesional yang bebas daripada:

- Ancaman
- Keganasan
- Pembulian
- Kelakuan yang menganiaya atau mengancam orang lain
- Kelakuan yang serupa

Toleransi Sifar

Sebagai sebuah perusahaan global, kita faham bahawa negara berbeza yang kita beroperasi mungkin memiliki piawaian berbeza di tempat kerja. Dasar toleransi sifar kita terpakai terhadap semua pekerja kita, tidak kira di mana mereka bekerja.

DASAR

- CPS-003 Tak Diskriminasi — Peluang Pekerjaan Adil
- CPS-564 Tempat Kerja yang Bebas Gangguan
- CPS-734 Membasmi Perdagangan Manusia
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja — Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan
- CRX-515 Kumpulan Sumber Rujukan Pekerja dan Rangkaian Pekerja
- CRX-537 Cuti Angkatan Tentera

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Mengekalkan Persekitaran Kerja yang Selamat dan Sihat

KITA MENETAPKAN PIAWAI

Anda mesti:

- Patuh dengan undang-undang, peraturan, dasar dan prosedur alam sekitar, keselamatan dan kesihatan.
- Ikut amaran dan peraturan yang disiarkan.
- Lapor segera kepada pihak pengurusan yang sesuai tentang sebarang jenis kemalangan atau kecederaan yang berlaku semasa bekerja, atau sebarang keimbangan alam sekitar, keselamatan atau kesihatan anda.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita komited secara global untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, serta melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.
- Kita mengamalkan pengawasan alam sekitar di seluruh dunia kerana ia menunjukkan sikap bertanggungjawab yang baik dan juga baik untuk perniagaan.
- Amalan perniagaan yang lestari memanfaatkan orang ramai dan planet kita, serta membawa faedah ekonomi.

DASAR

- CPS-015 Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan (ESH)
- CRX-053 Keselamatan Tempat Kerja — Mengekalkan Tempat Kerja yang Selamat dan Penuh Rasa Hormat yang Bebas daripada Ancaman dan Keganasan



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Mengekalkan Tempat Kerja yang Bebas daripada Dadah

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita melarang pemilikan, penggunaan, penjualan, pengeluaran, pemindahan, perdagangan haram atau keadaan di bawah pengaruh dadah haram, dan penyalahgunaan dadah yang dibenarkan, di tempat kerja ataupun semasa berurus niaga bagi pihak Syarikat Korporat.
- Kita melarang keadaan mabuk di bawah pengaruh minuman beralkohol di tempat kerja ataupun semasa berurus niaga bagi pihak Syarikat Korporat.
- Sebagai kontraktor persekutuan, Lockheed Martin mesti mengekalkan tempat kerja yang bebas daripada dadah. Inisiatif negeri dan tempatan untuk membenarkan marijuana bagi tujuan perubatan atau rekreasi tidak mengubah keperluan ini.
- Premis kita bebas daripada tembakau dan rokok. Ini termasuk rokok elektronik.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Inisiatif kesihatan dan kecergasan berkait secara langsung dengan persekitaran kerja yang produktif. Kita mematuhi Akta Tempat Kerja Bebas daripada Dadah 1988 dan akta yang serupa di negara lain kita beroperasi.
- Penggunaan bahan haram boleh membawa kesan yang negatif kepada keupayaan anda untuk melakukan kerja dengan selamat, kekal produktif dan mendapat atau mengekalkan pelepasan keselamatan atau pekerjaan berterusan.

DASAR

- CRX-525 Persekutaran yang Bebas daripada Tembakau dan Rokok
- CRX-545 Tempat Kerja yang Bebas daripada Dadah



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Menghargai Persaingan Adil

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Sentiasa bersikap adil dalam urusan bersama pelanggan, pembekal, pesaing dan pekerja.
- Pastikan semua pernyataan, komunikasi dan persembahan kepada pelanggan dan pembekal prospektif adalah tepat dan sahih.
- Laksanakan semua kontrak menurut spesifikasi, keperluan dan syarat-syarat kontrak.
- Tolak tawaran bida, cadangan atau maklumat pilihan sumber bekalan yang tidak dibenarkan daripada kontraktor.
- Jangan sekali-kali guna, dapatkan, benarkan atau terima sebarang maklumat yang Lockheed Martin tidak berhak melihat secara jelas dan sah.

Jika anda menerima atau mengeluarkan maklumat yang tidak dibenarkan, atau jika anda tidak pasti jika Syarikat Korporat berhak di sisi undang-undang untuk menggunakan maklumat tersebut, jangan salin, edar atau guna maklumat itu. Dapatkan panduan daripada Jabatan Perundangan atau Pejabat Etika.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita menghargai integriti proses pemerolehan semasa membida, merunding dan melaksanakan kontrak.

DASAR

- CPS-009 Pengurusan Peluang Perniagaan Baharu
- CPS-441 Penganggaran Kos/Penentuan Harga
- CPS-729 Pematuhan dengan Undang-undang Antibokot Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-013 Maklumat Kerajaan dan Pesaing
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Menjalankan Perniagaan Antarabangsa yang Berintegriti

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita mempunyai toleransi sifar terhadap amalan rasuah.
- Kita mematuhi semua peraturan eksport dan import yang terpakai.
- Kita tidak mengamalkan atau menyokong amalan perdagangan atau boikot antarabangsa yang mengehadkan, yang tidak dibenarkan oleh kerajaan A.S.
- Kita mematuhi undang-undang A.S. dan undang-undang negara kita berniaga (kecuali terdapat percanggahan dengan undang-undang A.S.). Apabila anda menghadapi percanggahan dengan undang-undang A.S., anda diperlukan untuk menangani percanggahan ini dengan Peguam Perundungan Elemen anda.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Piauan tinggi kita dalam amalan perniagaan beretika ialah bahagian utama dalam strategi integriti perniagaan kita, yang membenarkan kita membina hubungan pelanggan dan memenangi program di seluruh dunia.
- Rasuah, pelanggaran eksport dan import dan boikot haram menjadikan kepercayaan dan ketelusan yang diperlukan untuk melakukan transaksi perniagaan sah di sisi undang-undang dan pada jangka masa panjang.
- Amalan rasuah mewujudkan persaingan yang tidak adil, meningkatkan kos dan menjadikan mutu dan keupayaan produk dan perkhidmatan kita.
- Ketidakpatuhan boleh menghasilkan pemecatan peribadi dan korporat, hukuman penjara dan penalti kewangan, di samping menjadikan reputasi perniagaan kita secara ketara.

Antirasuah

Anda mesti mematuhi undang-undang antirasuah yang mentadbir operasi kita di negara kita berniaga. Undang-undang ini termasuk Akta Amalan Rasuah Negara Asing A.S. (FCPA), Akta Sogokan U.K. dan undang-undang serupa di negara lain.

Bersambung pada halaman seterusnya.



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Menjalankan Perniagaan Antarabangsa yang Berintegriti

Apakah yang undang-undang ini lakukan?

- Melarang bayaran sogokan secara langsung ataupun tidak kepada pegawai kerajaan, parti politik, pegawai parti, atau calon untuk jawatan awam atau pekerja organisasi komersial di A.S. atau luar negara untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau kelebihan perniagaan yang tidak berpatutan.
- Melarang pemalsuan buku dan rekod kira-kira atau mengelakkan dengan sengaja atau kegagalan untuk mengamalkan kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi, yang boleh membenarkan atau menyembunyikan sogokan.

Dasar kita melarang pemberian atau pembayaran wang atau apa-apa barang bernilai yang tidak berpatutan. Dasar ini terpakai terhadap sesiapa yang berurus niaga bagi pihak Lockheed Martin. Ini termasuk pengarah, pegawai, pekerja, perunding, wakil, pengedar, broker ofset, pembekal, subsidiari milik penuh dan rakan perniagaan lain Lockheed Martin.

Dasar kita secara khususnya melarang pemudahan bayaran. Pemudahan bayaran termasuk bayaran yang dibuat untuk mempercepatkan atau menjamin prestasi tindakan kerajaan rutin, seperti mendapatkan visa atau pelepasan kastam.

Had Eksport/Import dan Perdagangan Lain

- Kita memerlukan pematuhan ketat dengan semua undang-undang dan peraturan eksport dan import yang meliputi pemindahan data teknikal, peralatan dan teknologi tertentu di antara negara.
- Anda tidak boleh mewajibkan Lockheed Martin untuk menjalankan perdagangan dengan mana-mana negara yang tertakluk pada had perdagangan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan A.S.
- Sebelum anda merunding atau memasuki transaksi antarabangsa, rujuk terlebih dahulu dengan Pejabat Pematuhan Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Perundungan atau Pejabat Etika.

Had-had ini boleh merangkumi sekatan atau embargo yang melarang Lockheed Martin daripada menjalankan aktiviti perniagaan tertentu di negara khusus, dan dengan individu dan entiti khusus. Contohnya, undang-undang A.S. melarang interaksi dengan negara dan organisasi penganas yang dikenal pasti.

Undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa suatu bidang yang rumit. Sila berwaspada untuk mengelakkan walaupun pelanggaran yang tidak sengaja.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Menjalankan Perniagaan Antarabangsa yang Berintegriti

Antiboikot

- Jangan mengamalkan atau menyokong amalan perdagangan atau boikot antarabangsa yang mengehadkan, yang tidak dibenarkan oleh kerajaan A.S.
- Jangan memasuki perjanjian, atau memberikan sebarang maklumat, atau mengambil sebarang tindakan yang mungkin menyebabkan Lockheed Martin tidak berurus niaga dengan pelanggan, pembekal atau pihak lain yang mungkin atau sebenar, yang menyokong boikot haram.

Semua permintaan, dalam bentuk bertulis atau lisan, mesti dilaporkan segera kepada Jabatan Perundungan atau Pejabat Etika.

DASAR

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-021 Kewarganegaraan Korporat Baik dan Menghormati Hak Asasi Manusia
- CPS-310 Kawalan Perdagangan dan Pematuhan Antarabangsa
- CPS-729 Pematuhan dengan Undang-undang Antiboikot Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-015 Perlindungan Maklumat Sensitif

Hubungi Jabatan Perundungan atau Pejabat Etika tentang percanggahan dengan undang-undang A.S. atau undang-undang dan peraturan khusus yang terpakai terhadap pekerjaan anda.



TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Tidak Menjalankan Perdagangan Orang Dalam

KITA MENETAPKAN PIAWAI

Kita tidak:

- Mengguna atau berkongsi maklumat material bukan awam untuk manfaat peribadi.
- Lanjutkan maklumat sedemikian kepada seseorang yang tidak perlu tahu.
- Berdagang dalam sekuriti Lockheed Martin atau mana-mana syarikat lain sambil memiliki maklumat material bukan awam tentang Lockheed Martin atau syarikat lain sedemikian.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita percaya dalam pasaran saksama yang terbuka.
- Kita wajib mematuhi undang-undang dan peraturan sekuriti Amerka Syarikat dan negara lain.

Apakah itu maklumat material bukan awam?

Semasa menjalankan pekerjaan anda, anda mungkin mendapat tahu tentang maklumat material yang berkaitan dengan Lockheed Martin atau syarikat lain, rakan sepasukan, pembekal, vendor, subkontraktor atau pihak lain sebelum orang ramai mengetahui maklumat tersebut. Maklumat yang bersifat positif atau negatif dianggap "material" jika terdapat kemungkinan besar yang munasabah bahawa pelabur akan menganggap maklumat tersebut penting ketika membuat keputusan untuk mendagangkan sesuatu sekuriti. Maklumat bersifat "bukan awam" sehingga ia rasmi, diedarkan secara luas dan telah diterapkan oleh orang ramai. Maklumat dianggap "bukan awam" sehingga ia diedarkan secara luas. Ini bermakna bahawa maklumat itu telah disiarkan di dalam berita atau dikeluarkan dalam bentuk pengumuman rasmi dan tempoh masa yang cukup sudah berlangsung di pasaran terbuka, secara sendirian, atau syarikat merancang untuk maklumat itu diterapkan oleh orang ramai (biasanya, pada hari perniagaan kemudian). Hari perniagaan ialah hari yang Bursa Saham New York (NYSE) dibuka. Oleh itu, jika maklumat dikeluarkan pada hari Selasa, anda boleh berdagang pada hari Rabu. Jika ia dikeluarkan pada hari Jumaat, anda tidak boleh berdagang sehingga hari Isnin.

Bersambung pada halaman seterusnya.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG



Kita Tidak Menjalankan Perdagangan Orang Dalam

Apakah itu sekuriti?

"Sekuriti" ditakrifkan secara am oleh undang-undang sekuriti dan termasuk saham (biasa dan keutamaan), unit saham larangan, opsyen saham pekerja, bon, nota, debentur, opsyen jual atau panggilan, atau instrumen serupa

Apakah yang dimaksudkan dengan berdagang?

Berdagang merangkumi semua transaksi dalam sekuriti, termasuk pemindahan dana atau pengalihan semula dana ke dalam atau keluar dari dana saham Lockheed Martin dalam pelan simpanan, faedah atau pampasan tertunda anda; sebarang pembelian atau penjualan saham biasa (termasuk penjualan saham yang diterima daripada unit saham larangan terletak hak); sekuriti yang dianugerahkan oleh Lockheed Martin jika nilai anugerah tersebut ditentukan untuk tujuan cukai pada waktu ia diberikan; dan pelaksanaan opsyen saham pekerja. Ia juga termasuk perdagangan yang dilaksanakan menurut pesanan had, walaupun ia diletakkan sebelum anda mendapat tahu tentang maklumat material bukan awam.

DASAR

- CPS-016 Penggabungan, Pemerolehan, Penyahlaburan, Usaha Niaga dan Pelaburan
- CPS-020 Pendedahan Wajar Maklumat Material dan Maklumat Kewangan kepada Masyarakat Pelaburan dan Pihak Awam
- CPS-722 Pematuhan dengan Undang-undang Sekuriti Amerika Syarikat

Hubungi Jabatan Perundangan jika anda mempunyai soalan mengenai sesuatu yang mungkin dianggap maklumat material bukan awam.

TATAKELAKUAN

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

Kita Mematuhi Secara Ketat Semua Undang-undang Antitrust

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Undang-undang antitrust telah digubal untuk melindungi perdagangan dan perniagaan daripada pengehadan dan monopoli haram, atau amalan perniagaan yang tidak saksama.
- Elak daripada melakukan atau membincangkan mana-mana daripada aktiviti yang disenaraikan di dalam dasar ini dan yang diringkaskan, yang mungkin melanggar undang-undang antitrust.
- Undang-undang antitrust terpakai di seluruh dunia dalam urus niaga kita bersama pesaing, pembekal dan pelanggan, dan pelanggaran boleh mengakibatkan penalti sivil dan kadangkala jenayah.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita menghargai persaingan terbuka dan adil.
- Kita tidak secara sengaja memulakan persiapan perniagaan yang menghentikan atau yang tidak menggalakkan persaingan atau memberikan kita kelebihan persaingan yang tidak berpatutan.

Elak daripada melakukan atau membincangkan mana-mana daripada aktiviti yang disenaraikan di dalam dasar ini dan yang diringkaskan, yang mungkin melanggar undang-undang antitrust.

- Penetapan harga.
- Boikot pembekal atau pelanggan.
- Penentuan harga yang bertujuan untuk membankrapkan pesaing.
- Memperkecilkan, menyalahgambarkan atau mengganggu pesaing.
- Berpakat dengan syarikat lain dalam cara yang menghasilkan kurang pilihan saingan untuk pelanggan, termasuk percubaan untuk menghalang pesaing dan menghalang kemasukan ke dalam pasaran.
- Amalan rasuah, wang sogokan atau mencuri rahsia perdagangan.
- Membuat perjanjian atau persepakatan dengan pesaing untuk membahagikan pasaran yang disaingkan dengan memperuntukkan bida, kontrak, kawasan atau pasaran dan/atau mengehadkan pengeluaran atau jualan produk atau siri produk.
- Mengadakan syarat penjualan untuk sejenis produk/perkhidmatan yang memerlukan suatu produk/perkhidmatan lain dijual bersama.
- Mengadakan syarat penjualan atau pembelian ke atas produk/perkhidmatan yang memaksa penjual atau pembeli untuk tidak bermiaga dengan pesaing Syarikat Korporat.

DASAR

- CPS-720 Pematuhan dengan Undang-undang Antitrust





Kita Berhubung dengan Pihak Ketiga Secara Berpatutan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita tidak berhubung dengan pihak ketiga untuk bermiaga dalam cara yang bercanggah dengan undang-undang atau dasar kita atau yang mungkin memintas nilai dan prinsip kita. Perunding, wakil dan pihak ketiga mesti mengakui bahawa mereka akan mematuhi keperluan Syarikat Korporat untuk menjalankan urus niaga bagi pihaknya.
- Kita bertanggungjawab ke atas tindakan yang diambil bagi pihak kita oleh pihak ketiga.

Tindakan yang kita larang termasuk:

- Tawaran, bayaran atau penerimaan rasuah atau wang sogokan
- Pengamalan risikan industri
- Pemerolehan data sensitif, empunya atau sulit pihak ketiga tanpa kebenaran
- Pendapatan maklumat atau pengaruh orang dalam cara yang tidak berpatutan

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Keputusan dan tindakan oleh pihak ketiga yang bermiaga bagi pihak kita yang menjejas reputasi Syarikat Korporat dan mungkin mengakibatkan liabiliti jenayah atau sivil.

DASAR

- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-113 Pemerolehan Barang dan Perkhidmatan
- CPS-716 Pematuhan dengan Akta Antisogokan 1986
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CPS-734 Membasmi Perdagangan Manusia
- CRX-010 Perunding Pembangunan Perniagaan Domestik
- CRX-011 Perunding Pembangunan Perniagaan Antarabangsa
- CRX-025 Perjanjian Sepakat
- CRX-106 Pengurusan Subkontrak Penting
- CRX-126 Bahagian dan Bahan Elektronik Palsu

Dapatkan nasihat Perkhidmatan Perunding sebelum mengambil bekerja perunding antarabangsa atau domestik.

Kita Menghormati Proses Politik

KITA MENETAPKAN PIAWAI

Kita menurut dasar korporat dan undang-undang berkenaan proses politik di semua negara kita berniaga.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA

- Kita mendukung semua undang-undang tersirat dan tersurat berkenaan dengan penyertaan kita dalam proses politik.
- Undang-undang berkenaan sumbangan politik, hadiah dan melobi amat rumit. Pelanggaran yang walaupun tidak sengaja boleh mengakibatkan kehilangan peluang perniagaan, kerosakan pada reputasi kita dan penalti sivil dan jenayah.

Terlarang

- Penggunaan dana, aset atau kemudahan Lockheed Martin untuk manfaat parti politik atau calon politik di mana-mana di dunia tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Hal Ehwal Kerajaan atau Lockheed Martin International untuk aktiviti politik di luar Amerika Syarikat.
- Banyak negara, di samping Amerika Syarikat, mungkin melarang sumbangan politik korporat. Ini mungkin merangkumi sumbangan dana, barang atau perkhidmatan korporat, secara langsung ataupun tidak, kepada calon politik, termasuk masa kerja pekerja.
- Undang-undang tempatan dan negara mungkin mengehadkan sumbangan dan aktiviti politik korporat.

Sentiasa Berwaspada

Hubungi Hal Ehwal Kerajaan atau Lockheed Martin International (untuk aktiviti politik di luar Amerika Syarikat) untuk mana-mana daripada isu yang berikut:

- Jawatan Awam — Konflik kepentingan boleh berlaku jika anda bertanding untuk atau memegang jawatan awam, atau berkhidmat dengan suruhanjaya atau kumpulan penasihat.
- Melobi — Melobi boleh dilakukan secara langsung ataupun tidak, tetapi apa juga caranya, ia dipantau dengan teliti. Anda mesti mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai, terutamanya mengelakkan pelanggaran — walaupun ia tidak sengaja — dasar korporat dan peraturan persekutuan berkenaan dengan pemberian hadiah dan melobi.

Bersambung pada halaman seterusnya.



Kita Menghormati Proses Politik

- 
- Cabangan Kongres dan Eksekutif A.S. — Ia penting bahawa Lockheed Martin menampilkan hanya satu mesej perniagaan yang konsisten kepada masyarakat pelanggan kita yang berpusat di A.S. Hal Ehwal Kerajaan bekerja dengan pelbagai bidang perniagaan untuk membangunkan pendekatan bersepadu Syarikat Korporat bagi inisiatif dan dasar pemasaran yang berpusat di A.S., serta strategi dasar, peraturan dan undang-undang. Atas sebab ini, Hal Ehwal Kerajaan mesti meluluskan sebarang jenis interaksi dengan ahli Kongres atau pegawai Cabang Eksekutif A.S. di Washington, D.C. atau pekerja dan kakitangan mereka.
 - Kerajaan Negeri dan Tempatan — Hal Ehwal Kerajaan mesti meluluskan sebarang jenis interaksi dengan pegawai kerajaan negeri dan tempatan bagi Lockheed Martin.
 - Kerajaan Bukan A.S. — Anda mesti memahami dan mematuhi dasar dan prosedur korporat sebelum menghubungi mana-mana ahli atau pekerja entiti bukan A.S.
 - Sumbangan Politik Individu — Sesetengah undang-undang negeri dan tempatan mungkin menyekat, mengehadkan atau memerlukan pendedahan sumbangan politik peribadi yang dibuat oleh pekerja individu atau ahli keluarga terdekat mereka.

Dibenarkan

Anda digalakkan untuk:

- Ambil serta dalam Jawatankuasa Tindakan Politik Pekerja Lockheed Martin, jika anda layak.
- Ambil serta secara peribadi dalam hal ehwal sivik dan proses politik menggunakan masa anda sendiri, dan dengan menggunakan wang anda sendiri.
- Sokong parti dan calon politik yang anda pilih.

DASAR

- CPS-004 Aktiviti Politik
- CPS-005 Operasi Antarabangsa
- CPS-008 Hadiah, Keraian, Budi Bahasa Perniagaan Lain dan Tajaan
- CPS-045 Hal Ehwal Kerajaan
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-251 Sumbangan Amal

Tanya Diri Anda Sendiri...

- ✓ Adakah saya sudah mempertimbangkan semua risiko?
- ✓ Siapakah yang untung daripada tindakan ini dan siapa yang rugi?
- ✓ Adakah ini kedengaran terlalu baik untuk dipercayai?
- ✓ Mengapakah ia membimbangkan saya?
- ✓ Bagaimanakah tindakan ini kelihatan kepada pelanggan atau pembekal?
- ✓ Bagaimanakah saya akan rasa jika ahli keluarga saya atau rakan mengetahui tentang tindakan saya?
- ✓ Adakah saya mempunyai data sah yang mungkin membawa pada keputusan yang berbeza?
- ✓ Adakah tindakan ini jujur dan saksama?
- ✓ Adakah kepemimpinan saya tahu akannya?
- ✓ Apakah akibat penyelesaian ini?
- ✓ Adakah saya perlu bertanya lebih banyak soalan untuk mendapat gambaran yang jelas?

Kita Mengambil Tindakan

KITA MENETAPKAN PIAWAI

- Kita menggunakan teknik Menyuarkan Nilai Kita untuk mengamalkan nilai kita.
- Kita menangani percanggahan nilai dan pelanggaran undang-undang atau dasar yang mungkin apabila ia muncul.
- Kita menyedarkan diri kita tentang tanda-tanda amaran yang nilai kita menghadapi risiko.

SEBAB KITA MELAKUKANNYA


- Integriti Syarikat Korporat bergantung pada setiap orang daripada kita mengambil tanggungjawab untuk mengamalkan nilai kita.
- Percanggahan nilai suatu kejadian yang biasa di dalam persekitaran kerja dan mesti diselesaikan.
- Fahaman mengenai tanda-tanda amaran boleh membantu kita mengenal pasti dan membetulkan masalah yang mungkin sebelum ia bertambah.

DASAR

- CPS-001 Tataetika dan Tata Amalan Perniagaan
- CPS-718 Pendedahan kepada Kerajaan Amerika Syarikat
- CPS-730 Pematuhan dengan Undang-undang Anti-Rasuah
- CRX-021 Penyiasatan Dalaman



Penerimaan dan Pengiktirafan



Saya mengiktiraf bahawa saya telah menerima salinan peribadi *Menetapkan Piawai* saya, Tatakelakuan dan Tata Amalan Perniagaan Lockheed Martin dan saya telah membaca, memahami dan akan mematuhi Tatakelakuan ini. Saya faham bahawa setiap pekerja, ahli Lembaga Pengarah, perunding atau pekerja buruh kontrak Lockheed Martin, atau ejen lain yang mewakili atau bertindak bagi pihak Syarikat Korporat bertanggungjawab untuk mengetahui dan mematuhi prinsip dan piawai di dalam Tatakelakuan ini. Saya juga faham bahawa pelanggaran Tatakelakuan ini akan menyebabkan tindakan pembetulan, yang mungkin mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemecatan.

Tandatangan: _____ Nama dalam Huruf Besar: _____

Nombor Pekerja (jika berkenaan): _____ Syarikat: _____

Tarikh: _____ Lokasi: _____

**Hubungi Sumber Manusia atau Pejabat Etika untuk arahan
penyerahan borang ini. Jika anda bukan pekerja Lockheed Martin
hubungi titik hubungan Lockheed Martin anda.**

LAKUKAN PERKARA BETUL

HORMATI ORANG LAIN

BERPRESTASI CEMERLANG

1-800-LM ETHIC (1-800-563-8442)

ID Pemanggil tidak digunakan

Untuk Orang yang Cacat Pendengaran atau Cacat Pertuturan:

1-800-441-7457

Faks: 1-301-897-6442

*Antarabangsa: apabila memanggil atau menghantar faks dari luar A.S.,
dail kod keluar negara asal dahulu*

E-mel: corporate.ethics@lmco.com

Mel:

Corporate Ethics Office
Lockheed Martin Corporation
6801 Rockledge Drive
Bethesda, MD 20817

